



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok CI, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Pemenang Anugerah Kualiti
Perdana Menteri 2004



Tel. : 03-8885 3001
Faks : 03-8889 2187
E-mel : ismail@jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(L)180/19/1-140 KLT 25 (47)
Tarikh : 13 Mac 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Datu/ Dato',

MAKLUMAT ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM DI SEMUA KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN YANG DITAJA DI BAWAH PROGRAM PINJAMAN PELAJARAN PERSEKUTUAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

Saya dengan hormatnya merujuk perhatian Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Datu/ Dato' kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Datu/ Dato', Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses mengemaskini maklumat peminjam di bawah program Pinjaman Pelajaran JPA yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.

3. Tujuan utama pengemaskinian maklumat peminjam ini adalah untuk meningkatkan jumlah kutipan balik pinjaman JPA untuk kegunaan pada masa hadapan. Daripada pemantauan Jabatan ini, didapati sebahagian besar penjawat-pejawat awam tidak membuat bayaran balik pinjaman JPA secara teratur mengikut jadual dan amaun yang ditetapkan walaupun telah dikemukakan surat tuntutan dan notis amaran oleh JPA. Pada tahun 2007, JPA telah mewajibkan semua kakitangannya yang mempunyai baki pinjaman pelajaran JPA melaksanakan proses Arahan Potongan Gaji (APG) sepertimana yang terkandung di dalam Fasal 12 Perjanjian Pinjaman Pelajaran yang telah ditandatangani oleh pelajar. Kenyataan di dalam perjanjian tersebut adalah seperti berikut:

".....pelajar adalah dengan ini dengan tidak berubah lagi bersetuju untuk membenarkan Kerajaan untuk membuat perkiraan dengan sesiapa jua majikan Pelajar kemudian nanti supaya pendapatannya dipotong dengan sewajarnya bagi pihak Kerajaan."


Pelaksanaan proses APG ini telah memberi kesan positif bagi urusan bayaran balik pinjaman pelajaran oleh pegawai-pegawai di JPA.

4. Sehubungan dengan itu, JPA bercadang untuk memanjangkan proses APG ini kepada semua penjawat awam di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan bagi memastikan urusan bayaran balik pinjaman pelajaran JPA dibuat secara teratur. Bagi tujuan tersebut, kerjasama pihak Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Datu/ Dato' adalah dipohon untuk mengemukakan maklumat pegawai yang menerima tajaan di bawah Program Pinjaman Pelajaran JPA mengikut format seperti di **Lampiran A**. Maklumat ini hendaklah dikemukakan semula ke Jabatan ini sebelum atau pada 7 April 2008 untuk tindakan selanjutnya.

5. Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Datu/ Dato' di dalam hal ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
MALAYSIA

s.k. Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hj. Hasan
Ketua Setiausaha Negara

LAMPIRAN A

KEMENTERIAN/JABATAN : _____
ALAMAT : _____

TELEFON : _____

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. KAD PENGENALAN		ALAMAT & NO TELEFON TEMPAT BERTUGAS
		BARU	LAMA	